



TREND DAN PUNCA PENGGUNAAN DADAH DI KALANGAN PENAGIH DADAH WANITA DI NEGERI SABAH: IMPLIKASI KEPADA RAWATAN DAN PEMULIHAN DADAH¹

Sabitha Marican²
Mahmood Nazar Mohamed³
Rosnah Ismail⁴

ABSTRACT

The involvement of women with psychoactive drugs is found to be most serious in the state of Sabah as compared to the other states in Malaysia. The National Anti-Drugs Agency (NADA) ranked Sabah 6th on the severity of incidence of drug addiction with 1,229 drug users identified between the months of January to September, 2005, out of which a total of 686 were women ranging from young adolescents to those in their 40s. Sabahan women drug addicts used drugs not only for its euphoric effect but for various other reasons including to escape from their problems, to maintain their 'slim' figures and to remain beautiful. Syabu is the drug of choice for most Sabahan women addicted to drugs because it is cheaper and can be easily obtained as compared to heroin or other drugs. The purpose of this study is to identify the profile of Sabahan women addicted to drugs, the etiology of drug use and the effect of drugs especially on their mental state. This study employed a cross-sectional survey design on a sample of 96 respondents, purposely selected from drug users and addicts presently undergoing drug treatment and rehabilitation at Pusat Serenti Bachok Kelantan, and those incarcerated at the Kota Kinabalu Women Prison, Tawau and Sandakan Prisons. Among the reasons for using drugs is because they were curious of its effects. Other reasons pertain to adjustment

¹ Sebahagian daripada laporan kajian PENGGUNAAN DADAH DI KALANGAN WANITA DI NEGERI SABAH: PROFAIL, PUNCA DAN KESAN, Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial, UMS

² Profesor Madya, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya (UM)

³ Profesor Psikologi, Universiti Utara Malaysia (UUM)

⁴ Profesor dan Pengarah, Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Malaysia Sabah (UMS)



and mental problems like wanting to escape from stress, family problems and the intention to commit suicide. The study identified that their early experience with substance use led them to addiction and crime. Many of the Sabahan women addicted to drugs started smoking at the age of 16, drinking alcohol at the age of 17 and first used drugs when they were at an average age of 19.8 years old. For those who were involved in crime, they committed their first act of crime at the age of 21. In conclusion, the study outlined some strategies for the treatment and rehabilitation of female drug addicts.

ABSTRAK

Di negeri Sabah, statistik penglibatan wanita dengan penagihan dadah kini adalah yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Perangkaan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) menunjukkan negeri Sabah menduduki tangga keenam paling atas berbanding negeri-negeri lain di Malaysia dengan jumlah 1,229 orang penagih yang dikesan dari bulan Januari-September 2005. Daripada jumlah tersebut, penagih wanita di negeri Sabah yang seramai 686 orang menduduki tangga yang teratas berbanding negeri-negeri lain. Penglibatan wanita di Sabah dalam gejala penagihan dadah membabitkan gadis berusia dari seawal remaja sehinggalah kepada wanita yang berusia dalam lingkungan empat puluhan, bukan semata-mata disebabkan kenikmatan dadah itu sendiri tetapi didorong oleh faktor lain seperti ingin menjaga kecantikan dan menguruskan badan. Lebih serius lagi, dadah yang lazimnya digunakan penagih wanita di Sabah adalah dadah jenis syabu kerana ia mudah diperolehi dan lebih murah berbanding heroin dan ganja. Kajian ini diusahakan untuk mengenal pasti profil penagih dadah wanita di negeri Sabah, mengkaji punca-punca yang menyebabkan penglibatan wanita dengan dadah dan mengenal pasti kesan penglibatan wanita dengan dadah terhadap kesihatan mental. Kajian tinjauan keratan rentas terhadap 96 responden yang terdiri daripada pengguna dan penagih dadah wanita di negeri Sabah yang ditempatkan di Pusat Serenti Bachok, Kelantan dan di penjara-penjara sekitar negeri Sabah seperti Penjara Wanita Kota Kinabalu, Penjara Tawau dan juga Penjara Sandakan. Dapatan kajian membentangkan maklumat penggunaan dadah dan pemulihan yang pernah dilalui mereka, yang mana hampir semua dilaporkan menggunakan dadah jenis syabu. Punca-punca penggunaan dadah dikenal pasti, yang mana ramai menggunakan dadah kerana perasaan ingin tahu dan sebab-sebab yang menunjukkan bahawa penagih dadah mempunyai masalah kesihatan mental seperti untuk menghilangkan stres, perpecahan dalam keluarga, melarikan diri daripada masalah dan mencari ketenangan. Kajian ini turut mendapati bahawa pengalaman awal dengan masalah sosial bahan dan mendorong mereka menggunakan dadah. Rata-rata penagih dadah



wanita Sabah mula merokok pada umur 16 tahun, minum minuman keras pada purata umur 17 tahun, menggunakan dadah pada purata umur 19.8 tahun, dan bagi yang terlibat dengan jenayah, umur pertama mereka terlibat dengan perbuatan jenayah ialah 21 tahun. Kajian ini memberi beberapa implikasi dan cadangan yang berkaitan dengan rawatan dan pemulihan penagihan dadah dalam kalangan wanita.

PENGENALAN

Dadah merupakan satu-satunya masalah keselamatan, sosial dan kesihatan yang sehingga kini masih memberi kesan besar kepada negara. Dari dahulu hingga sekarang, statistik penggunaan dan penagihan terhadap dadah masih belum menunjukkan perkembangan yang positif walaupun pelbagai cara telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk membendung gejala tersebut daripada berleluasa. Penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat amat membimbangkan terutama apabila ia mula menular dalam kalangan remaja-remaja sekolah (Mahmood, 2002). Tambahan lagi, kalau dahulu dikatakan kaum lelaki lebih sinonim dengan gejala seperti ini, tetapi kini kaum wanita turut terlibat dengan masalah ini.

Perkembangan pesat negara dari aspek sosial dan ekonomi menyebabkan perubahan peranan kaum wanita dari segi kerjaya, tanggungjawab dan identiti. Pelbagai tekanan dihadapi oleh kaum wanita akibat perubahan-perubahan yang berlaku sedikit sebanyak telah menyumbang kepada peningkatan gejala sosial dalam kalangan wanita terutama dalam masalah penagihan dadah. Tambahan pula, dalam kehidupan yang didesak oleh kepentingan materialistik, tidak kurang juga sebilangan wanita terikut-ikut dengan cara hidup sedemikian hinggan ada yang menggadai nilai serta moral untuk mencapai kemewahan dalam kehidupan. Lantas mereka ini juga terperangkap dalam penggunaan dan penagihan dadah (Mahmood, 2005a).

Di negeri Sabah sahaja, statistik penglibatan wanita dalam gejala penagihan dadah kini adalah yang tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia (AADK Sabah, 2005). Dalam satu ucapan yang telah disampaikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Sabah, Datuk Musa Haji Aman sempena pelancaran papan tanda kempen antidadah peringkat negeri Sabah pada 22 Disember 2005, keadaan penagihan dadah di Sabah telah menjadi satu fenomena yang amat merunsingkan iaitu mengikut perangkaan daripada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), negeri Sabah menduduki tangga keenam antara negeri-negeri di Malaysia



dengan jumlah 1,229 orang penagih yang dikesan dari bulan Januari-September 2005. Daripada jumlah tersebut, penagih wanita adalah seramai 686 orang dan menduduki tangga yang teratas antara negeri-negeri di Malaysia.

Penglibatan wanita dengan gejala penagihan dadah bukan semata-mata disebabkan kenikmatan dadah itu sendiri tetapi didorong oleh faktor lain seperti ingin menjaga kecantikan dan menguruskan badan (Mahmood, 2005a) di samping faktor pengaruh suami yang juga menjadi penagih. Adalah diandaikan bahawa faktor gaya hidup memainkan peranan penting dalam tabiat penggunaan dadah dalam kalangan wanita. Lebih berat lagi, dadah yang biasa diambil penagih wanita di Sabah adalah dadah jenis syabu kerana ia mudah diperolehi dan lebih murah berbanding dadah tradisional seperti heroin dan ganja.

AADK Negeri Sabah turut menjelaskan bahawa pembabitan wanita di dalam gejala penagihan dadah di negeri Sabah merentas usia dari seawal remaja sehinggalah yang berusia 40-an. Walaupun terdapat peningkatan bilangan penagih wanita di Sabah berbanding negeri-negeri lain di Malaysia, namun tindakan untuk menangani masalah ini di Sabah tidaklah seserius berbanding penagih lelaki. Memandangkan tiada pusat pemulihan khas wanita diwujudkan di negeri Sabah, maka kebanyakan penagih-penagih wanita di negeri Sabah ditempatkan di Pusat Serenti Bachok, Kelantan. Manakala selebihnya akan dirujuk kepada Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Sabah untuk diawasi dan menjalani pemulihan dalam komuniti. Di samping itu terdapat juga penagih wanita yang turut melakukan kesalahan jenayah lain ditempatkan di Penjara Wanita Kota Kinabalu, Penjara Tawau dan Penjara Sandakan untuk menjalani hukuman.

Kajian mengenai pembabitan kaum wanita dengan gejala dadah lebih berfokus kepada perubahan peranan wanita akibat perkembangan sosiobudaya dan ekonomi jika dibandingkan dengan peranan kaum lelaki. Kebanyakan pengkaji yang mengkaji tentang wanita dan dadah memperoleh dapatan signifikan yang membezakan antara penagih dadah wanita dan lelaki. Kajian Rosenbaum (1981), Hser (1987), Thom (1995), Nelson-Zlupko et al. (1996), Ettorre (1996), dan Estebanez & Cifuentes (1997) mendapati bahawa penagih wanita mengambil kuantiti dadah yang lebih rendah berbanding penagih lelaki tetapi lebih cepat menjadi ketagih dan lebih gemar mengambil bahan-bahan bersifat sedatif. Jenis dadah yang selalu digunakan adalah berlainan, dan ini



bermakna mereka perlu diberikan rawatan dan pemulihan yang berbeza daripada penagih dadah lelaki.

Kebanyakan penagih wanita juga berlatarbelakangkan tahap pendidikan yang rendah, kurang sumber kewangan dan lebih memberi perhatian terhadap usaha untuk meneruskan kehidupan seharian. Ini menunjukkan bahawa mereka terpaksa bergantung kepada orang lain seperti ibu bapa, suami ataupun teman lelaki bagi sumber ekonomi. Lanjutan daripada itu, masalah penagihan dadah dalam kalangan wanita turut memberi kesan terhadap risiko perkembangan normal anak-anak. Bagi wanita yang menggunakan dadah, anak-anak sering terbiar dan diletakkan di bawah penjagaan orang lain seperti ibu bapa dan saudara mara. Mereka tidak dapat menikmati kasih sayang ibu, dan mungkin juga akan belajar menggunakan bahan psikoaktif apabila remaja kelak.

Kajian juga mengenal pasti sebilangan pengguna dadah wanita pernah menjadi mangsa penderaan seksual dan fizikal yang mengakibatkan tekanan perasaan yang begitu mendalam (Mahmood, 2005a; 2005b). Tekanan perasaan ini sering diatribusi sebagai sebab mereka mencuba dadah dan lama-kelamaan akan menjadi ketagih. Ini antara sebabnya mengapa penagih wanita lebih mendapat perhatian dari aspek rawatan psikitrik dan mereka lebih kerap mengalami "*dual-diagnosis*" kerana pelbagai simptom psikiatrik yang dialami bersama-sama dengan penagihan dadah (Khantzian & Treece, 1985; Blume, 1989; Rousanville et al., 1987). Hal ini menyukarkan lagi proses pemulihan penagih dadah wanita.

Dual-diagnosis di kalangan penagih wanita bukanlah perkara baru. Hesselbrock, Meyer & Keener (1985) mendapati 80% daripada sampel 90 orang pengguna dadah dan alkohol mengalami *dual-diagnosis*. Satu perhatian yang agak konsisten melalui banyak kajian ialah episod kemurungan dalam kalangan penagih wanita adalah lebih tinggi berbanding dengan pengguna atau penagih lelaki (Rounsaville & Kleber, 1985; Mahmood, 2005). Malah Hesselbrock, Meyer & Keener (1985) turut menemui gangguan *major depression* di kalangan penagih wanita. Pelbagai kajian juga mendapati hubungan penagihan dadah dalam kalangan wanita dengan kecelaruan makanan (Bulik, 1997); kecelaruan "*borderline*" (Nace et al., 1988) kecelaruan personaliti (Vaglum & Vaglum, 1997), kecelaruan afektif, bulimia, gangguan anxiety dan kecelaruan seksual (Ross, Glaser & Stiasny, 1988) dan kecelaruan panik dan OCD (Hesselbrock, Meyer & Keener, 1985).



Hal ini juga ada kaitan dengan tahap motivasi mereka untuk berubah, bahawa penagih-penagih wanita mempunyai tahap motivasi yang berbeza sama ada dari aspek usaha untuk menghapuskan atau meneruskan ketagihan. Kajian Mahmood dan Edman (1997) umpamanya mendapati penagih dadah wanita lebih cenderung menyalahkan diri mereka sendiri berbanding penagih lelaki, yang bermakna mereka lebih terdedah kepada perasaan bersalah, kurang yakin dan mempunyai harga diri yang rendah. Kajian juga mendapati bahawa apabila penagih-penagih wanita telah mencapai tahap memerlukan sokongan terapeutik yang tertentu, jika tidak ditangani dengan baik, akan membawa kepada masalah dalam mencapai kaedah rawatan yang berkesan (Mahmood 2005a). Selain itu, disebabkan pembabitan wanita dalam gejala dadah yang tidak begitu ketara berbanding lelaki, kajian mendapati bahawa penagih dadah wanita hanyalah golongan minoriti yang tidak diambil peduli oleh sesetengah pihak terutama dalam penyediaan rawatan dan intervensi terhadap proses pemulihan dadah (Stocco, Liacer, DeFazio, Calafat & Mendes, 2000).

Sehubungan itu, ada keperluan mendesak untuk mengetahui fenomena penagihan dadah di kalangan wanita di negeri Sabah dan Malaysia amnya serta faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan di samping kesan penagihan dadah. Pembabitan wanita dengan dadah adalah satu gejala yang serius kerana ini akan melibatkan pendedahan kaum wanita kepada risiko kesihatan mental dan fizikal yang akan memudaratkan kualiti kehidupan mereka. Dengan adanya kajian seperti ini, diharap perkhidmatan sistem kesihatan sosial di negara ini dan di negeri Sabah khususnya akan lebih terurus dan akan turut menitikberatkan rawatan dan pemulihan dalam kalangan penagih wanita selain penagih lelaki.

Sebagai rumusan, apa yang dinyatakan oleh Duongsaa (1998) telah menjelaskan situasi ini dengan agak jelas, bahawa *"...it is time to recognize the fact that, ... because of drug use; many girls and women have been robbed of their identity, their dignity, their quality of life, and their right to protection. It is time to review our development paradigm and strategies, as well as our approaches to the drug issue, in order to make a real change..., and that will enable women who are affected by the drug problem to reclaim their humanity and their rights."*

OBJEKTIF

Secara amnya, kajian ini dibuat untuk mengenal pasti profil penagih dadah wanita di negeri Sabah, manakala objektif khusus kajian ini adalah



untuk:

- i. Mengenal pasti profil penagih dadah wanita negeri Sabah
- ii. Mengkaji punca-punca menyebabkan penglibatan wanita dengan dadah
- iii. Menentukan kesan penglibatan wanita dengan dadah terhadap kesihatan mental

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan keratan rentas serta kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Seramai 96 penagih dadah dalam kepulihan bertindak sebagai responden. Mereka ditempatkan di pusat-pusat pemulihan seperti Pusat Serenti Bachok Kelantan, di penjara-penjara di sekitar negeri Sabah seperti Penjara Wanita Kota Kinabalu, Penjara Tawau dan Penjara Sandakan serta mereka yang menjalani pemulihan dalam komuniti (kes pengawasan) di bawah seliaan AADK negeri Sabah.

Satu set soal selidik digunakan sebagai instrumen yang dibahagikan kepada 2 bahagian. Bahagian A mengandungi soalan yang berkaitan dengan faktor demografi dan profil penagih meliputi maklumat diri, pekerjaan, pendidikan, keluarga, rakan-rakan, penggunaan dadah dan juga maklumat rawatan dan pemulihan yang perlu dijawab oleh setiap responden.

Bahagian B pula mengandungi soalan-soalan yang lebih menjurus kepada kesan negatif penggunaan dadah ke atas diri pengguna.

Pasukan kajian mendapatkan keizinan (*consent*) daripada institusi terlibat dan responden sebelum pengumpulan data bagi memelihara etika penyelidikan.

HASIL KAJIAN

Sejumlah 13 orang (16.88%) terdiri daripada etnik Bajau, 12 orang (15.58%) etnik Kadazan dan 12 orang (12.99%) terdiri daripada etnik Melayu. Manakala selebihnya adalah daripada etnik-etnik lain. Ini menunjukkan bahawa bilangan penagih dadah wanita lebih ramai di kalangan etnik Bajau berbanding dengan etnik-etnik yang lain. Faktor ini mungkin disebabkan etnik Bajau merupakan etnik yang antaranya paling ramai di Sabah selain daripada etnik Kadazan-Dusun dan Melayu-Brunei (Jadual 1).



Jadual 1 : Penagihan Dadah dengan Merujuk kepada Bangsa Responden

Bangsa	Bilangan	Peratus
Bajau	13	16.88
Kadazan	12	15.58
Melayu	10	12.99
Sino-Kadazan & Suluk	5 setiap etnik	6.49 @ 2
Bisaya & Cina	4 setiap etnik	5.19 @ 2
Filipino & Iban	3 setiap etnik	3.89 @ 2
Bugis, Indonesia, Brunei, Murut dan Sungai	2 setiap etnik	2.59 @ 5
Visaya, Bidayuh, Bolongan, Dusun, Jawa, Lindayu, Rungus & Tidung	1 setiap etnik	1.29 @ 8

Lebih separuh daripada responden beragama Islam iaitu seramai 56 orang (72.2%), diikuti oleh responden yang beragama Kristian seramai 19 orang (24.0%). Selebihnya beragama Buddha iaitu seramai 2 orang (2.6%). Dari segi umur, 77 responden, sejumlah 45 orang (58.4%) berumur di antara 20 - 29 tahun, 18 orang berumur 30 - 51 tahun (23.4%) dan selebihnya berumur di antara 15 - 19 tahun. Hasil ini menunjukkan lebih separuh daripada penagih dadah wanita di negeri Sabah berumur dalam lingkungan 20 - 29 tahun. Purata umur responden terlibat dalam penagihan dadah iaitu dalam lingkungan 26 tahun.

Penagih wanita dari Sabah yang terlibat dengan dadah terdiri daripada mereka yang mempunyai tahap pendidikan yang sederhana dan hanya sedikit jumlah yang tidak pernah bersekolah ataupun hanya mendapat pendidikan sehingga darjah tiga sahaja iaitu seramai 13 orang (16.9%). Kajian juga mendapati seramai 29 orang (37.7%) pernah mendapat pendidikan dari tingkatan 1 - 3; 18 orang (23.4%) mendapat pendidikan dari tingkatan 4 - 5; dan 3 orang lagi (3.8%) pernah bersekolah sehingga ke tingkatan 6 dan ke atas. Data ini menunjukkan mereka yang terlibat dengan dadah bukanlah terdiri daripada mereka yang buta huruf.



Bilangan rakan-rakan penagih wanita sebelum mereka ditahan adalah agak ramai, yang mana secara purata bilangan rakan-rakan mereka adalah 14.27 orang. Manakala bilangan rakan yang paling rapat dengan penagih wanita ini sebelum mereka ditahan adalah dalam purata 3.47 orang. Rakan-rakan perempuan penagih wanita dengan tingkah laku negatif, di mana didapati seramai 64 orang (83.1%) responden mempunyai rakan-rakan perempuan yang juga menggunakan dadah, 63 orang (81.8%) responden memiliki rakan perempuan yang perokok manakala 59 orang (76.6%) responden pula mempunyai rakan-rakan perempuan yang minum minuman keras. 4 orang (5.2%) daripada rakan-rakan penagih wanita ini pula turut terlibat dengan jenayah-jenayah lain seperti mencuri, mengedar dadah dan merompak (Jadual 2).

Tidak seorang pun rakan-rakan lelaki penagih wanita tersebut terlibat dengan penggunaan dadah. Sungguhpun demikian, tingkah laku negatif lain seperti merokok dan minum minuman keras amat tinggi di mana, 64 orang (83.1%) penagih wanita ini mempunyai rakan-rakan lelaki yang merokok dan 63 orang (81.8%) pula mempunyai rakan lelaki yang minum alkohol. Sejumlah 14 orang daripada penagih wanita ini pula memiliki kawan-kawan lelaki yang terlibat dengan beberapa jenayah lain seperti mengedar dadah, merompak, mencuri, pecah rumah, *pusher* dan suka bergaduh (Jadual 2).

Jadual 2 : Penglibatan Rakan-rakan Perempuan dan Laki-laki dengan Tingkah Laku Negatif

Tingkah Laku Negatif	Perempuan	Laki-laki
1. Menggunakan dadah	64 (83.1%)	-
2. Merokok	63 (81.8%)	64 (83.1%)
3. Minum minuman keras	59 (76.6%)	63 (81.8%)
4. Jenayah lain (mengedar dadah, merompak, mencuri, pecah rumah, <i>pusher</i> , bergaduh)	4 (5.2%)	14 (18.2%)

Jadual 3 pula menunjukkan aktiviti hiburan yang dilakukan penagih wanita bersama rakan-rakan mereka pada waktu lapang. Aktiviti yang paling banyak dilakukan oleh penagih-penagih wanita ini ketika bersama rakan-rakan mereka adalah merokok dan berhibur di



pusat-pusat hiburan seperti disko, konsert dan karaoke, yang mana, 60 orang (77.9%) responden yang diajukan mengatakan 'ya' pada aktiviti-aktiviti ini. Ini diikuti dengan aktiviti minum minuman yang memabukkan seperti arak, bir, todi dan air tapai yang dipersetujui oleh 52 (67.5%) responden dan juga aktiviti melepak 49 orang (59.7%).

Jadual 3 : Bentuk Hiburan yang Dilakukan Bersama-sama Rakan di Waktu Lapang

Item	Ya	Tidak
1. Merokok	60 (77.9%)	17 (22.1%)
2. Berhibur di pusat hiburan / disko / konsert / karaoke)	60 (77.9%)	17 (22.1%)
3. Lain-lain (<i>game</i> / snuker / beli belah / mengambil dadah / menggunakan dadah)	6 (7.8%)	71 (92.2%)
4. Minum arak / bir / todi / air tapai	52 (67.5%)	25 (32.5%)
5. Melepak	46 (59.7%)	31 (40.3%)
6. Menonton wayang / video	44 (57.1%)	33 (42.9%)
7. Bersukan	32 (41.6%)	45 (58.4%)
8. Judi / nombor ekor / mesin slot	25 (32.5%)	52 (67.5%)
9. Snuker / <i>billiard</i>	23 (29.9%)	54 (70.1%)
10. Melancong	22 (28.6%)	55 (71.4%)
11. Menonton video lucu	12 (15.6%)	65 (84.4%)

PENGGUNAAN BAHAN PSIKOAKTIF

Sejumlah besar responden penagih wanita ini iaitu 68 orang (88.3%) didapati merokok manakala selebihnya iaitu 9 orang (11.7%) lagi tidak merokok. Mereka merokok buat kali pertama pada umur 16.05 tahun dengan sisihan piawai sebanyak 5.97 tahun, Rakan-rakan paling mendominasi responden belajar merokok, di mana seramai 37 orang (55.2%) mengatakan mereka belajar merokok daripada rakan-rakan mereka. Ini diikuti dengan 27 orang (40.3%) responden mengatakan diri sendiri dan selebihnya iaitu 3 orang atau 4.5% pula mengatakan orang yang mengajar mereka merokok adalah suami, teman lelaki dan juga ibu bapa mereka.



Pada masa yang sama, sejumlah 69 orang (89.6%) mengaku merupakan seorang peminum minuman keras manakala selebihnya iaitu 8 orang atau 10.4% pula tidak. Mereka pertama kali minum minuman keras pada kadar umur 17.13 tahun. Pengaruh yang paling kuat mengajar mereka minum minuman keras, sama seperti juga rokok di mana rata-rata responden penagih wanita ini mengaku bahawa rakan-rakan menjadi pengajar utama mereka melakukan kegiatan ini. Seramai 42 orang atau 61.8% responden mengatakan mereka belajar minum minuman keras ini daripada rakan-rakan mereka. Ini diikuti dengan 23 orang penagih mengatakan diri sendiri manakala selebihnya pula iaitu 3 orang mengatakan belajar daripada suami, teman lelaki dan ibu bapa mereka.

Ramai penagih dadah terlibat dengan aktiviti jenayah dan ini termasuklah penagih dadah wanita. Sejumlah 16 orang atau 21.6% penagih ini mengatakan pernah melakukan jenayah manakala selebihnya iaitu 58 (78.4%) mengatakan tidak pernah. Purata umur penagih wanita ini mula-mula melakukan jenayah iaitu pada kadar purata umur 21.00 tahun dengan sisihan piawai sebanyak 4.60 tahun. Antara jenayah yang sering dilakukan oleh penagih wanita ini. Seramai 3 orang (21.4%) mengatakan mereka turut melakukan jenayah mengedar dadah diikuti dengan perbuatan mencuri oleh 2 orang (14.3%) penagih dan selebihnya adalah jenayah-jenayah lain seperti bersubahat dengan kawan, membunuh, memukul, menggugurkan kandungan, seks tanpa nikah, menjual syabu, meragut, merompak dan menyamun orang, yang mana setiap jenayah ini pernah dilakukan oleh setiap seorang (7.1%) responden penagih ini.

Purata umur responden mula-mula menggunakan dadah adalah 19.88 tahun. Secara puratanya, responden kajian ditangkap sebanyak 2.74 kali kerana kesalahan menggunakan dadah. Jadual 4 menunjukkan status responden semasa mula-mula menggunakan dadah, di mana 31 (40.3%) responden telahpun berhenti dari alam persekolahan mereka semasa mula menggunakan dadah. Ini diikuti dengan 21 orang (27.3%) mengambil dadah selepas berkahwin manakala 15 orang (19.5%) lagi mengatakan mereka mula menggunakan dadah ketika masih lagi bersekolah.



Jadual 4 : Status Responden Semasa Mula-mula Menggunakan Dadah

Item	Ya	Tidak
1. Masih bersekolah	15 (19.5%)	41 (53.2%)
2. Sudah berhenti sekolah	31 (40.3%)	29 (37.7%)
3. Sudah tamat sekolah	11 (14.3%)	40 (51.9%)
4. Sedang belajar di pusat pengajian tinggi	-	50 (64.9%)
5. Sedang bekerja	18 (23.4%)	34 (44.2%)
6. Selepas berkahwin	21 (27.3%)	34 (44.2%)
7. Lain-lain (selepas bercerai, selepas kematian anak, ketika mengambil SPM)	7 (9.0%)	70 (91.0%)

Jadual 5 pula menunjukkan majoriti penagih wanita ini mengatakan mula-mula berjinak dengan dadah semasa berada dan bergaul dengan orang lain, di mana 22 orang atau 28.6% responden mengatakan mereka mula berjinak-jinak dengan dadah ketika berada di tempat melepak dan 17 orang responden atau 22.1% pula mengatakannya ketika mereka berada di rumah kawan mereka. Sungguhpun demikian, 15 orang penagih wanita atau 19.5% pula berkata mereka mula berjinak-jinak dengan dadah ketika berada di rumah.

Jadual 5 : Tempat di Mana Responden Mula-mula Berjinak dengan Dadah

Item	Bilangan	Peratus
1. Di tempat melepak	22	28.6
2. Di rumah kawan	17	22.1
3. Di rumah	15	19.5
4. Di tempat hiburan	12	15.6
5. Di tempat kerja	9	11.7
6. Di sekolah	2	2.6

Jadual 6 memperihalkan sumber kewangan penagih wanita ini untuk membeli dadah. Majoriti penagih wanita ini iaitu 35 orang responden atau 50.7% membeli dadah dengan menggunakan duit sendiri.



Selain itu, 23 orang (33.3%) pula mengatakan membeli dadah dengan menggunakan duit ibu bapa manakala 9 orang (13.0%) pula dengan cara meminta duit daripada orang yang paling rapat dengan mereka seperti teman lelaki, kekasih atau suami mereka. Hanya 2 orang (3.0%) responden berkata bahawa sumber kewangan untuk membeli dadah adalah dengan mencuri.

Jadual 6 : Sumber Kewangan Responden Membeli Dadah

Item	Bilangan	Peratus
1. Duit sendiri	35	50.7
2. Duit ibu bapa	23	33.3
3. Minta teman lelaki / kekasih / suami	9	13.0
4. Mencuri	2	3.0

Sejumlah 43 orang penagih wanita atau 57.3% mengatakan mereka mendapat sumber bekalan dadah daripada rakan mereka (Jadual 7). Ini diikuti dengan sumber yang diperoleh daripada *pusher* iaitu 22 (29.3%) jawapan dan 8 orang (10.7%) responden mengatakan mendapat bekalan dadah daripada pasangan rapat mereka seperti teman lelaki, kekasih atau suami. Hanya 2 orang (2.7%) sahaja yang mendapat bekalan dadah daripada adik beradik mereka.

Jadual 7 : Sumber Responden Mendapat Bekalan Dadah

Item	Bilangan	Peratus
1. Diberi oleh rakan	43	57.3
2. Membeli daripada Pusher	22	29.3
3. Diberi oleh teman lelaki / kekasih suami	8	10.7
4. Diberi oleh adik beradik	2	2.7

Jadual 8 pula menunjukkan penggunaan jenis dadah di kalangan responden kajian yang terlibat. Hasil kajian mendapati bahawa, kebanyakan penagih dadah wanita di negeri Sabah menggunakan dadah jenis syabu. Daripada 77 orang responden kajian ini, 75 orang (97.4%) penagih wanita ini menggunakan dadah jenis syabu diikuti



dengan dadah jenis marijuana atau ganja dengan 35 orang (45.5%) pengguna dan dadah jenis ekstasi seramai 26 orang atau 33.8% pengguna. Dadah lain yang mendapat tempat dalam kalangan penagih wanita ini adalah seperti kodein atau ubat batuk 20 orang (26.0%) dan heroin 11 orang (14.3%) penagih.

Jadual 8 : Jenis Dadah yang Digunakan oleh Responden

Jenis Dadah	Bilangan	Peratus
1. Syabu	75	97.4
2. Marijuana/ ganja	35	45.5
3. Ekstasi	26	33.8
4. Kodein/ubat batuk	20	26.0
5. Heroin	11	14.3
6. Gam/ <i>inhaler/thinners/marker</i>	10	13.0
7. Amfetamin	10	13.0
8. Kokain	8	10.4
9. <i>Pain killer</i>	7	9.1
10. Morfin	6	7.8
11. Subutex	4	5.2
12. Candu	3	3.9
13. Ketamin/rophenol/GHB	2	2.6
14. Methadone	1	1.3

Jadual 9 menunjukkan cara penggunaan dadah di kalangan penagih-penagih dadah tersebut di mana, kebanyakan dadah digunakan dengan cara menghisap, iaitu 57 orang (74.0%) penagih yang disoal berkata mereka menggunakan dadah dengan cara menghisap. Bilangan ini tinggi disebabkan oleh penggunaan dadah jenis syabu dalam kalangan penagih wanita yang amat tinggi. Ini diikuti dengan cara makan oleh 14 orang (18.2%) penagih, sementara 5 orang (6.5%) penagih pula menggunakan dadah dengan cara menghidu dan selebihnya iaitu seorang (1.5%) dengan cara suntikan.



Jadual 9 : Cara Responden Menggunakan Dadah

Jenis Dadah	Bilangan	Peratus
1. Hisap	57	74.0
2. Makan	14	18.2
3. Hidu	5	6.5
4. Suntikan	1	1.3

Jadual 10 memaparkan jenis-jenis dadah yang paling kerap digunakan oleh penagih wanita di Sabah. Hasil dapatan menunjukkan majoriti penagih wanita di Sabah ini menggunakan dadah jenis syabu memandangkan ia amat mudah diperolehi dengan harganya yang murah jika dibandingkan dengan dadah jenis lain. Dapatan menunjukkan bahawa, 65 (84.4%) responden ini kerap menggunakan dadah jenis syabu sahaja. Hanya 2 orang (2.6%) responden kerap menggunakan syabu dan ekstasi, sementara 2 orang lagi (2.6%) menggunakan syabu dan ganja.

Jadual 10 : Jenis Dadah yang Kerap Digunakan oleh Responden

Jenis Dadah	Bilangan	Peratus
Syabu	65	84.4
Syabu dan ekstasi	2	2.6
Syabu dan ganja	2	2.6
Ekstasi; Ganja; Heroin; Marijuana & Ekstasi; Morfin; Syabu & Heroin; Syabu, Ganja dan Ekstasi; Syabu & Kokain; Methadone; Subutex; dan Amfetamine	1 setiap satu/ gabungan	1.3 @ 10

Kekerapan responden menggunakan dadah dalam seminggu ialah pada kadar purata 5.20 kali, iaitu mereka menggunakan dadah hampir setiap hari.

**FAKTOR PENDORONG PENGGUNAAN DADAH**

Faktor-faktor yang mendorong kepada penggunaan dadah di kalangan wanita di negeri Sabah adalah seperti dalam Jadual 11. Perasaan ingin tahu mendominasi sebanyak 61 orang atau 79.2% daripada responden yang mengikuti kajian ini dengan menyatakannya sebagai punca utama mereka terjebak dengan dadah. Kajian juga mendapati antara penyebab utama wanita mengambil dadah adalah untuk menghilangkan stres seperti yang dinyatakan oleh 56 orang (72.7%) responden kajian ini diikuti oleh faktor jiwa memberontak dan perpecahan keluarga seperti yang dinyatakan oleh 50 orang (64.9%) responden yang menjadikan alasan ini untuk menagih, dan 50 (64.9%) orang lagi mengatakan ingin melarikan diri daripada masalah hidup atau kerunsingan mereka buat sementara waktu. Seramai 47 penagih (61.1%) pula mengatakan mereka menggunakan dadah bertujuan untuk menguruskan badan dan kecantikan. Manakala, punca lain adalah rasa seronok seperti yang dirasakan oleh 42 (54.5%) responden, bekalan mudah diperoleh seperti yang dinyatakan oleh 35 orang (45.5%) penagih wanita ini.

Jadual 11 : Sebab-sebab Responden Menggunakan Dadah

Sebab-Sebab Penggunaan Dadah	Bilangan	Peratus
Rasa ingin tahu/ingin mencuba	61	79.2%
Untuk menghilangkan stres/ kerunsingan	56	72.7%
Pengaruh rakan sebaya	51	66.2%
Perpecahan keluarga dan pergolakan rumah tangga	50	65.0%
Melarikan diri daripada masalah hidup/kerunsingan	50	64.9%
Menguruskan badan dan kecantikan	47	61.1%
Rasa seronok	42	54.5%
Bekalan mudah diperoleh	36	46.8%
Jiwa memberontak	30	39.0%
Perubatan	19	24.7%
Putus cinta	17	22.1%
Terpedaya/ditipu	13	16.9%
Dipaksa oleh teman/rakan	13	16.9%
Pengaruh suami	10	13.0%
Dipaksa oleh suami/kekasih/teman lelaki	6	7.8%
Untuk membunuh diri	5	6.5%



Jadual 12 menunjukkan bahawa rakan memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi responden menggunakan dadah. 54 orang (70.1%) penagih mengatakan bahawa rakan banyak mempengaruhi mereka menggunakan dadah dan diikuti dengan usaha diri sendiri sebanyak 14 orang (18.2%) dan pengaruh suami dan teman lelaki seramai 8 orang (10.4%). Hanya seorang (1.3%) responden mengatakan bahawa ibu bapa banyak mempengaruhi mereka menggunakan dadah.

Jadual 12 : Siapakah Paling Banyak Mempengaruhi Responden Menggunakan Dadah

Pihak yang Mempengaruhi Responden	Bilangan	Peratus
1. Rakan	54	70.1
2. Diri sendiri	14	18.2
3. Suami/teman lelaki	8	10.4
4. Ibu bapa	1	1.3

Mungkin disebabkan oleh rakan banyak mempengaruhi penggunaan dadah di kalangan penagih-penagih wanita ini, maka tidak hairanlah rakan-rakan juga menjadi tempat mereka berkongsi pengalaman pertama menggunakan dadah. Daripada 77 orang responden kajian ini, seramai 62 orang (83.8%) penagih mengatakan mereka berkongsi pengalaman pertama menggunakan dadah bersama rakan-rakan. Sejumlah 7 orang (9.5%) responden telah berkongsi dengan suami/teman lelaki/kekasih dan 5 orang (6.8%) responden lagi berkata mereka berkongsi pengalaman tersebut dengan keluarga mereka (Jadual 13).

Jadual 13 : Responden Berkongsi Pengalaman Pertama Menggunakan Dadah

Kongsi Pengalaman Dadah dengan	Bilangan	Peratus
1. Rakan-rakan	62	83.8
2. Suami/teman lelaki/kekasih	7	9.5
3. Keluarga	5	6.8



Jadual 14 menunjukkan bahawa seramai 19 orang (25.0%) responden penagih wanita mengaku mereka cuba mengajak orang lain menggunakan dadah manakala 57 orang (75.0%) responden lagi mengatakan tidak.

Jadual 14 : Pernahkah Responden Mengajak Orang Lain Menggunakan Dadah

Responden Mengajak Orang Lain Menggunakan Dadah	Bilangan	Peratus
1. Ya	19	25.0
2. Tidak	57	75.0

Jadual 15 menunjukkan bilangan orang yang cuba dipengaruhi oleh penagih dadah wanita ini, di mana 5 orang (6.5%) di kalangan penagih berkata telah cuba mempengaruhi seorang untuk terlibat dengan dadah, 4 orang (5.2%) responden pula cuba mempengaruhi 5 orang lain, 3 orang responden (3.9%) pula mengaku cuba mengajak 3 orang lain untuk terlibat dengan najis dadah ini.

Jadual 15 : Berapa Ramai yang Cuba Dipengaruhi Responden

Item	Bilangan	Peratus
1. 1 orang	5	6.5
2. 2 orang	2	2.6
3. 3 orang	3	3.9
4. 5 orang	4	5.2
5. 10 orang	1	1.3
6. 50 orang	1	1.3
Min	6.13	
Sisihan Piawai	11.94	




Jadual 16 menunjukkan bilangan orang yang terpengaruh dengan ajakan penagih dadah wanita ini, yang mana seramai 5 orang (31.25%) responden mengatakan mereka telah berjaya mempengaruhi sekurang-kurangnya seorang untuk terlibat dengan dadah, 4 orang (25.0%) pula mengatakan mereka berjaya mempengaruhi 3 orang, 3 orang responden (18.8%) pula berkata telah berjaya mempengaruhi 2 orang untuk terlibat dengan dadah. Adalah amat mendukacitakan bila mana ada 2 orang (12.5%) responden kajian ini mengaku bahawa 30 orang turut terpengaruh dengan ajakan mereka untuk menagih.

Jadual 16 : Berapa Ramai yang Terpengaruh untuk Menggunakan Dadah

Bilangan yang Terpengaruh	Bilangan	Peratus
1. 1 orang	5	31.25
2. 3 orang	4	25.0
3. 2 orang	3	18.8
4. 30 orang	2	12.5
5. 5 orang	1	6.3
6. 9 orang	1	6.3
Min	6.06	
Sisihan Piawai	9.56	

Jikalau ditinjau, pihak yang paling berpengaruh mendorong mereka menggunakan dadah adalah rakan-rakan mereka (70.1%) (Rajah 1). Ini adalah benar bagi semua peringkat umur. Jika ditinjau pada tahap umur 20-29 tahun, kekasih dan diri mereka sendiri turut dilihat sebagai punca utama mereka menggunakan dadah. Dari sini bolehlah dianggarkan bahawa apabila responden memasuki zaman dewasa, walaupun rakan-rakan masih menjadi pengaruh utama, namun ada juga yang dipengaruhi oleh kekasih masing-masing.

Rajah 1 : Umur dengan Siapa yang Mempengaruhi Penagih

KESAN TERHADAP KESIHATAN MENTAL


Objektif kajian yang ketiga ialah untuk menentukan tahap kesihatan mental pengguna dadah wanita dari negeri Sabah. Ini penting kerana ramai wanita menggunakan syabu, sejenis dadah yang telah diketahui kesannya yang menyebabkan "drug psychosis", dan hal ini disokong oleh pelbagai kajian di mana pengguna dadah wanita turut mengalami kemurungan dan simptom psikiatri lain lebih kerap lagi berbanding penagih lelaki.

Jika ditinjau sebab dan kesan dadah digunakan (Rajah 2), antara yang dinyatakan sebab utama ialah untuk mengurangkan stres (72.7%) dan diikuti dengan melarikan diri daripada masalah (64.9%) dan faktor ini menunjukkan bahawa daya tindak penagih wanita terhadap pengawalan masalah adalah lemah, dan menggunakan strategi daya tindak yang tidak dapat membantu kesihatan mental.

Penggunaan dadah turut diatribusikan kepada faktor jiwa yang memberontak (39%), perpecahan dan pergolakan rumah tangga (36.4%), putus cinta (22.1%), dan yang paling serius ialah untuk membunuh diri (6.5%). Kajian Mahmood (2005) turut mendapati bahawa sebab penggunaan dadah di kalangan penagih lelaki dan wanita adalah amat berbeza, yang mana wanita lebih terdorong untuk mengelak atau melarikan diri daripada masalah, manakala lelaki pula menggunakannya untuk kesan euforia atau keenakan dadah itu sendiri.



Rajah 2 : Sebab-sebab Penggunaan Dadah di Kalangan Penagih Wanita



Jadual 17 menunjukkan kesan penglibatan wanita dengan dadah ini terhadap kesihatan mental mereka. Hasil kajian mendapati daripada keseluruhan responden yang ditanya, 53 orang (68.8%) responden mengatakan rasa menyesal menggunakan dadah manakala selebihnya 24 orang (31.2%) pula tidak berasa menyesal. Seramai 49 penagih (63.6%) pula berasa malu terhadap diri sendiri dan orang lain diikuti dengan rasa sakit seperti yang dinyatakan oleh 27 orang (35.1%) penagih wanita ini. Sungguhpun demikian, kesan ini tidak pula dirasakan oleh 50 orang responden kajian, malah 24 orang (31.2%) mengaku tidak mengalami perasaan bersalah kerana menggunakan dadah.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa perasaan ingin tahu mendominasi punca utama penggunaan dadah manakala penyebab utama wanita mengambil dadah adalah untuk menghilangkan stres diikuti dengan faktor jiwa memberontak dan perpecahan keluarga, ingin melarikan diri daripada masalah hidup atau kerunsingan dan ada yang menggunakan dadah bertujuan untuk menguruskan badan dan kecantikan. Kesan dadah juga dilihat memberi sedikit gangguan pada tingkah laku dan mental penagih dadah wanita seperti perasaan hendak membunuh diri atau mati, rasa bersalah, putus asa dan malu, yang mana perkara ini haruslah diberikan tumpuan dalam rawatan dan pemulihan mereka.

**Jadual 17 : Kesan Negatif Penggunaan Dadah**

No.	Kesan Negatif Penggunaan Dadah	Bilangan	Peratus
1.	<i>Rasa menyesal</i>		
	Ya	53	68.8%
	Tidak	24	31.2%
2.	<i>Rasa malu</i>		
	Ya	49	63.6%
	Tidak	28	36.4%
3.	<i>Rasa sakit</i>		
	Ya	27	35.1%
	Tidak	50	64.9%
4.	<i>Tidak rasa bersalah</i>		
	Ya	24	31.2%
	Tidak	41	68.8%
5.	<i>Rasa putus asa</i>		
	Ya	23	29.9%
	Tidak	54	70.1%
6.	<i>Rasa seperti mahu mati</i>		
	Ya	18	23.4%
	Tidak	59	76.6%
7.	<i>Rasa hendak bunuh diri</i>		
	Ya	8	10.4%
	Tidak	69	89.6%

IMPLIKASI KEPADA PEMULIHAN

Sebilangan besar penagih dadah wanita menggunakan dadah selepas mereka berhenti sekolah dan kerana pengaruh kawan sebaya, bukan sahaja di tahap umur remaja, tetapi juga di tahap awal dan lanjut dewasa. Sebilangan besar juga menggunakan dadah dalam dan di tempat-tempat hiburan. Pendedahan awal kepada rokok dan alkohol juga kelihatan sebagai sesuatu yang agak lazim di kalangan kumpulan ini. Setelah bekerja, mereka membeli dadah dengan menggunakan pendapatan sendiri, tetapi bagi yang belum bekerja, mereka menggunakan wang daripada ibu bapa. Hal ini seharusnya diambil kira dalam merangka strategi rawatan dan pemulihan penagih wanita.

Di samping itu, terdapat pelbagai kajian menemui bahawa wanita lebih terdedah kepada masalah jiwa, penyesuaian, mental atau psikiatri



(Bulik, 1987; Duongsaa, 1989; Hesselbrock et al., 1985; Nace et al., 1986; Ross et al, 1988; dan Stocco et al., 2000). Kajian ini turut menemui bahawa di kalangan penagih wanita Sabah, dadah yang sering mereka gunakan ialah syabu, sejenis dadah ATS yang boleh membawa kepada kerosakan urat saraf dan otak. Kerosakan ini akan menyebabkan berlakunya "drug psychosis", yang mana simptomnya adalah seperti halusinasi, delusi, paranoia dan ada kalanya kemurungan yang teruk.

Keadaan ini dikukuhkan lagi dengan maklumat bahawa penggunaan dadah adalah kerana sebab-sebab seperti hendak menghilangkan kerungsingan (72.7%), melarikan diri daripada masalah (64.9%), menenangkan jiwa yang memberontak (39.0%), melepaskan diri daripada masalah perpecahan keluarga dan pergolakan rumah tangga (36.4%), melupakan masalah putus cinta (22.1%) dan ada sebilangan yang menggunakan dengan niat untuk membunuh diri (6.5%). Hal ini menunjukkan bahawa aspek penyesuaian, ketenangan emosi, penggunaan strategi daya tindak yang membantu menyelesaikan masalah, ketenangan dan kestabilan jiwa perlu diambil kira dalam rangka rawatan dan pemulihan wanita. Penelitian Mahmood (2005a; 2005b) mendapati bahawa gangguan-gangguan mental seperti ini telah membawa kepada episod kemurungan, yang juga pernah didokumentasikan oleh Vaglum et al. (1985) di kalangan wanita alkoholik.

Ini bermakna khidmat psikiatri harus disediakan untuk pemulihan penagih wanita. Bagi mereka yang mengalami kemurungan dan psikosis lain, penilaian menyeluruh perlu dilakukan bagi mengetahui tahap kecelaruan yang dialami dan intervensi tingkah laku serta perubatan harus disediakan.

Tambahan pada itu, bagi penagih wanita yang menghadapi masalah penyesuaian, maka haruslah diwujudkan "partner in recovery" agar mereka boleh berkongsi pengalaman, emosi dan masalah dengan rakan sebaya (Mahmood 2003; Mahmood & Yunos 2004; Yunos & Mahmood, 2004). Tatacara ini didapati berkesan dalam rawatan dan pemulihan dadah secara TC yang dijalankan di Rumah Pengasih Malaysia (Yunos et al; 2004).

Selain itu pengisian kepada jiwa yang kosong juga amat penting (Mahmood et al, 1997; Mahmood, 1995; 1999; Nelson-Zlupko, 1996). Sebilangan signifikan penagih yang ditemui adalah beragama Islam, dan



kebanyakan mereka amat kurang pengetahuan mengenai agama, apatah lagi melakukan ibadah seperti yang dituntut agama Islam. Memperkenalkan Islam 'semula' secara mendadak mungkin akan menyebabkan mereka menolak terus agama. Oleh yang demikian, strategi pintar perlu dirangka oleh pakar agama bagi meniup semula jiwa Islam ke dalam diri mereka secara perlahan-lahan agar ia dapat diterima dengan rela hati. Keperluan ilmu agama ini diakui oleh penagih wanita yang mana 90.9% merasakan pendidikan agama sebagai penting kerana itu adalah pengisian jiwa yang bermakna kepada mereka untuk membantu menahan diri daripada terus menggunakan dadah. Pada masa yang sama, dalam sesi temu duga yang dijalankan di pusat-pusat pemulihan, mereka turut mengatakan bahawa kaedahnya perlulah sesuai dan berkesan.

Walaupun usaha rawatan dan pemulihan dapat dimantapkan untuk penagih wanita, namun yang lebih penting ialah usaha untuk mencegah mereka daripada terlibat dengan penggunaan dadah. Pengaruh rakan sebaya, masalah disiplin di sekolah, sikap ambil peduli ibu bapa serta masyarakat adalah antara faktor yang harus diintegrasikan dalam program pendidikan pencegahan dadah. Kempen hubungan kekeluargaan, gaya hidup sihat serta kepentingan pembelajaran boleh digerakkan untuk membentuk pemikiran serta sikap remaja, ibu bapa dan masyarakat untuk bersama bergerak ke arah keharmonian kehidupan.

RUJUKAN

- Agensi Dadah Kebangsaan. (2005). *Laporan Dadah Negeri Sabah*.
- Blume, S. B. (1988). Dual-diagnosis: Psychoactive substance dependence and the personality disorders, *Journal of Psychoactive Drugs*, 81(2):139-144.
- Bulik, C. M. (1987). Drug and alcohol abuse by bulimic women and their families, *American Journal of Psychiatry*, 144:1604-1606
- Duongsoo, U. (1998). *Women and Drugs: From Hard Realities to Hard Solutions*. Seminar on Women, Gender and Drugs. Washington D. C.



- Hesselbrock, M. N., Meyer, R. E. & Keener, J. J. (1985). Psychopathology in hospitalized alcoholics, *Arch. Gen. Psychiatry*, 42:1050-1055.
- Hser, E A.(1987). Sex differences in addict careers. First initiation of use. *American Journal Drug Alcohol Abuse*, 13 (1): 33-57.
- Khantzian, E. J. & Treece, C. (1985). DSM-III psychiatric diagnosis of narcotic addicts, *Arch. Gen. Psychiatry*, 42:1067-1071.
- Mahmood, N. M. (1995). Peranan Keluarga dalam Pencegahan Relapse. Paper presented at the *Workshop on Relapse Prevention and Counseling*. 15 December, Home Ministry, Kangar, Perlis, Malaysia.
- Mahmood, N. M. (1999). Familial relationship and receptivity to drug rehabilitation programme: The Case of heroin addicts. Paper presented at the *VIth European Congress of Psychology*, July 4-9th, Rome, Italy.
- Mahmood, N. M. (2002). Drug use among youth: A changing pattern. Paper presented at the *4th Global Conference on Drug Abuse Prevention*. May, 13-17, Penang, Malaysia.
- Mahmood, N. M. (2002). The influence of good familial relationship with the propensity to be drug free. A study amongst Malaysian psychoactive drug abusers. Poster presented at the *Hawaii International Conference on Social Science*, June 11-15, Honolulu, Hawaii.
- Mahmood N. M. (2003). Strategi daya tindak penagih berulang dan ringan: Implikasi kepada kaunseling penagihan, *Malaysian Journal of Counseling (PERKAMA)*, 10, 1-25.
- Mahmood, N. M. (2005a). Depression among female drug users in Malaysia. Paper presented at the *Women's World 2005: 9th International Interdisciplinary Congress on Women*, June 19-24, Seoul, Korea.
- Mahmood, N. M. (2005b). "Dual-diagnosis" among women addicted to drugs- Implications for gender-specific rehabilitation, Plenary paper presented at the *Persidangan Psikologi Malaysia 2005*, 31st July - 2nd Aug., Kota Kinabalu, Sabah.
- Mahmood, N. M. & Edman, J. L. (1997). Differences in attribution styles among male and female heroin addicts. *Malaysian Journal of Psychology (PSIMA)*, 11, 81-96.
- Mahmood N. M. & Mohd Yunos Pathi Mohd. (2004). The role of family in preventing drug addiction. Paper presented at the *2nd Asian Seminar on Family Support Group Network*, 3-7 May, Colombo, Sri Lanka.



- Mahmood, N. M., Nadiyah Elias & Noor Azizah Ahmad (1997). Pembinaan Moral di Kalangan Remaja. Paper presented at the *Seminar for the Strengthening of Societal Moral Standards*, 15-16th Nov., Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mohd Yunos Pathi & Mahmood, N. M. (2004). Kepentingan kumpulan sokongan keluarga dalam konteks rawatan dan pemulihan. Keynote address presented at the *1st ASEAN Seminar on the Effect of Addiction on Families*. 15-16 June, Kuala Lumpur.
- Nace, E. P. & Saxon, J. J. (1986). Borderline personality disorder and alcoholism treatment: A one-year follow-up study, *J. Stud. Alcohol*, 47:196-200.
- Nelson-Zlupko, L., (1996). Women in recovery. Their perception of treatment effectiveness. *Journal of Substance Abuse Treatment*. 13 (1): 51-59.
- Rosenbaum, M. (1981). *Women on Heroin*. New Jersey: Rutgers University Press.
- Ross, H. E., Glaser, F. B. & Stiasny, S. (1988). Sex differences in the prevalence of psychiatric disorder in patients with alcohol and drug problems, *British Journal of Addiction*, 83:1179-1192.
- Rounsaville, B. J. & Kleber, H. D. (1985). Untreated opiate addicts: How do they differ from those seeking treatment?, *Arch. Gen. Psychiatry*, 42:1072-1077.
- Rounsaville, B. J., Dolinsky, Z. S., Babor, T. F. & Meyer, R. E. (1987). Psychopathology as a predictor of treatment outcome in alcoholics, *Arch. Gen. Psychiatry*, 44:505-513.
- Thom, B. (1995). Research issues concerning women and treatment provision. *Women and substance misuse*, Brighton.
- Stocco, P., Liacer, J. J., DeFazio, L., Calafat, A. & Mendes, F. (2000). *Women Drug Abuse in Europe: Gender Identity*. www.irefreea.org.
- Vaglun, S. & Vaglun, P. (1985). Borderline and other mental disorders in alcoholic female psychiatric patients: A case control study, *Psychopathology*, 18:50-60.